

U 6971 AAB
MAHATHIR - BANDAR

MELAKA, 11 DIS (BERNAMA) -- KERAJAAN-KERAJAAN NEGERI HENDAKLAH SANGGUP MEWUJUDKAN BANDAR BARU YANG MEMPUNYAI NAMA YANG SAMA DENGAN BANDAR LAMA KERANA IA DAPAT MENINGKATKAN JUMLAH PENDUDUK DI KAWASAN BANDAR; KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

KATANYA, JIKA KERAJAAN-KERAJAAN NEGERI ASYIK MENUMPUKAN KEPADA SATU KAWASAN SAHAJA, IA AKAN MENYEBABKAN HARGA TANAH NAIK DI BANDAR LAMA DAN MENJADIKANNYA LEBIH PADAT KERANA BANDAR LAMA TIDAK BOLEH DIPERBESARKAN LAGI.

OLEH ITU, ADALAH DIHARAPKAN BANDAR-BANDAR LAMA MEMPUNYAI BANDAR BARU YANG MEMPUNYAI SAMA NAMA DAN DITADBIRKAN OLEH MAJLIS PERBANDARAN YANG SAMA, KATA PERDANA MENTERI KETIKA BERUCAP PADA MAJLIS PERLETAKAN BATU ASAS KOMPLEKS BARU MAJLIS PERBANDARAN MELAKA BANDARAYA BERSEJARAH (MPMBB) DI BUKIT BERUANG DI SINI.

MENURUTNYA, JIKA BANDAR BARU DIWUJUDKAN HARGA TANAH AKAN LEBIH MURAH DI SAMPING MEMPUNYAI KAWASAN YANG SELESA SERTA DAPAT MENAMPUNG KEPERLUAN ORANG RAMAI YANG HENDAK BERHIJRAH.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, BUKAN NIAT KERAJAAN UNTUK MENGHALANG PENGHIJRAHAN PENDUDUK DARI KAMPUNG KE BANDAR KERANA IA TIDAK MERUCIKAN KAWASAN KAMPUNG OLEH SEBAB KERJA-KERJA BOLEH DIURUSKAN MELALUI BILANGAN ANGGOTA MASYARAKAT YANG KECIL. -- LAGI
1629MST 11 12 89

0113

U 8972 AAB
MAHATHIR - BANDAR 2 MELAKA

+WALAUPUN BILANGAN PERATUSAN PENDUDUK LUAR BANDAR AKAN BERKURANGAN, TETAPI PRODUKTIVITI AKAN TERUS MENINGKAT KERANA PENGGUNAAN JENTERA, + KATANYA.

PERDANA MENTERI BERKATA, DENGAN WUJUDNYA BANDAR BARU KEGIATAN PERNIAGAAN BOLEH DIJALANKAN DENGAN LEBIH TERATUR MANAKALA BANDAR LAMA PULA BOLEH DIHIDUPKAN MELALUI KESAN-KESAN SEJARAH.

MUNGKIN PADA TAHUN 2000 ATAU 2100, 95 PERATUS DARIPADA PENDUDUK NEGARA INI AKAN TINGGAL DI KAWASAN BANDAR DAN INI AKAN MENYEBABKAN KAWASAN BANDAR AKAN MENJADI SEMAKIN MAJU SERTA MENJADIKANNYA SEBAGAI PUSAT KOMERSIL YANG MEMBAWA KEUNTUNGAN KEPADA PENDUDUK BANDAR, KATA BELIAU.

MENGENAI TINDAKAN KE ATAS PENIAGA-PENIAGA KECIL, PERDANA MENTERI BERKATA, BUKANLAH MENJADI NIAT MAJLIS-MAJLIS PERBANDARAN UNTUK MENINDAS GOLONGAN ITU KERANA TINDAKAN YANG DIAMBIL ADALAH SEMATA-MATA UNTUK MEMAJUKAN PERNIAGAAN MEREKA.

+JIKA KEDUDUKAN GERAI-GERAI TIDAK TERSUSUN DAN KOTOR, SUDAH TENTU IA TIDAK AKAN DIKUNJUNGI OLEH PELANGGAN DAN INI MERUGIKAN PENIAGA-PENIAGA KECIL YANG LEBIH MEMENTINGKAN SOAL JANGKA PENDEK, + TAMBAHNYA. -- LAGI
1631MST 11 12 89

D114

U 8973 AAB
MAHATHIR - BANDAR 3 MELAKA

PERDANA MENTERI MAHU RAKYAT NEGARA INI MENJADIKAN KEBERSIHAN SEBAGAI SEBAHAGIAN DARIPADA NILAI HIDUP KERANA JIKA MALAYSIA MEMPUNYAI BANDAR-BANDAR YANG BERSIH DAN MENARIK, IA SECARA TIDAK LANGSUNG AKAN MEMBANTU MENINGKATKAN PEMBANGUNAN EKONOMI NEGARA.

KOMPLEKS BARU MPMBB SETINGGI EMPAT TINGKAT ITU AKAN MEMPUNYAL REKA BENTUK +RUMAH MELAKA+. IA BERTAMBAH BERTAMBAH BERHARGA KIRA-KIRA \$12 JUTA DAN DIJANGKA SIAP SEPENUHNYA PADA TAHUN 1991.

SELEPAS PERASMIAN ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG JUGA PRESIDEN UMNO, TELAH MENGADAKAN PERJUMPAAN TERTUTUP DENGAN ANGGOTA-ANGGOTA UMNO MELAKA DI DEWAN HANG JEBAT, PUSAT EKSPLO AIR KERUH. -- BERNAMA
1633MST 11 12 89